



**Pemikiran
TASAWUF
Syeikh Abu Mahasin
Yusuf Al-Taj**

Syamsul Bahri Andi Galigo

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

Pemikiran
TASAWUF
Syeikh Abu Mahasin Yusuf Al-Taj



Pemikiran TASAWUF

Syeikh Abu Mahasin Yusuf Al-Taj

GIFT / DONATION SUMBANGAN IKHLAS WITH BEST COMPLIMENTS	
FROM	Unit Penerbitan KUIM
DATE	27-07-2004
ACC. NO	-

SYAMSUL BAHRI ANDI GALIGO

B.A (Al-Azhar), M.A. (Cairo), Ph.D (UKM)

Prof. Madya dan Timbalan Dekan Fakulti Kepimpinan
dan Pengurusan, KUIM



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

**Cetakan pertama 2004
Hak cipta Kolej Universiti Islam Malaysia, 2004**

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit

**Diterbitkan di Malaysia oleh
Unit Penerbitan KUIM
Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM)
Tingkat 11, Menara A Persiaran MPAJ, Jalan Pandan Utama
Pandan Indah, Kuala Lumpur
Tel:03-42892139/2155, Faks: 03-42892129**

**Dicetak di Malaysia oleh
AG Grafik Sdn. Bhd.
No. 4, Jalan TPP 1/11,
Taman Industri Puchong,
47100 Puchong,
Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-80604663, Faks : 03-80604662**

**Perpustakaan Negara Malaysia
penerbitan**

Data pengkatalogan-dalam-

**Syamsul Bahri Andi Galigo
Pemikiran Tasawuf Syaikh Abu Mahasin Yusuf Al-Taj/ Syamsul Bahri Andi Galigo
Bibliografi:ms.281
ISBN 983-41007-7-9
1. Abu Mahasin Yusuf al-Taj--Contribution in Sufism. 2. Sufism--Indonesia-Biography. 1. Judul
297.44092**

**Perpustakaan
Kolej Universiti Islam Malaysia**

KANDUNGAN

	HALAMAN
PRAKATA	v
PENDAHULUAN	vii
PENGHARGAAN	ix
BAB I RIWAYAT HIDUP SYEIKH ABU MAHASIN YUSUF AL-TAJ	
Pendahuluan	1
Kelahiran.	2
Latar belakang pendidikan	4
Penentangan terhadap Belanda di Banten (Jawa Barat)	9
Penghijrahan ke Ceylon (Sri Lanka)	16
Penghijrahan ke Afrika Selatan	20
Jasanya dikenang	23
Hasil Karya	26
BAB II RISALAH <i>AL-NAFHAH</i> : TERJEMAHAN DAN ULASAN	
Pendahuluan	29
Analisis naskah	29
Teks risalah <i>al-Nafhah</i> (kajian <i>tahqiq</i>)	31
Terjemahan dalam bahasa Melayu (kajian <i>tawthiq</i>)	52
Ulasan kandungan risalah <i>al-Nafhah</i>	83
BAB III ANALISIS PEMIKIRAN TASAWUF SYEIKH YUSUF AL-TAJ	
Pengenalan	93
Tasawuf dan hubungannya dengan akidah	93
Konsep <i>tauhid</i> dan <i>wahdat al-wujud</i>	99
Konsep <i>ma'rifah</i> dan <i>haqiqah</i>	110
Makna zikirullah ; Kepentingan dan matlamatnya	114
Kedudukan syeikh mursyid dalam tarikat tasawuf	121
Hubungan antara syari'ah dan <i>haqiqah</i>	128
BAB IV AMALAN TARIKAT KHALWATIYAH SYEIKH YUSUF DI SULAWESI SELATAN	
Pengenalan	135
jajah tarikat dan silsilah <i>khilafah</i> Syeikh Yusuf	140
Tarikat <i>khalwatiyyah</i> Syeikh Yusuf dan amalannya	149
Sejarah perkembangannya	149
Amalan-amalannya	155
PENUTUP	173
RUJUKAN	181
INDEKS	191

Prakata

Syeikh Abu Mahasin Yusuf al-Taj al-Khalwatiy, adalah seorang tokoh intelektual Islam yang hidup pada penghujung kurun ke 17 Masehi (kurun ke 10 Hijrah) belum banyak didedahkan oleh pengkaji hingga masa kini. Beliau merupakan ulama Asia Tenggara yang telah menghabiskan usianya dalam memperkembangkan dakwah Islamiah di tiga kawasan, iaitu alam Melayu, negeri Ceylon (tanah India) dan Afrika Selatan. Hasil karya beliau belum banyak diterbitkan untuk bacaan orang awan. Oleh yang demikian, buku ini cuba menentengahkan satu karya tulisan beliau yang berjudul “al-Nafhah al-Saylaniyyah fi al-Minhah al-Rahmaniyyah”, di samping pemikiran tasawuf beliau yang merupakan usaha pemurnian tasawuf yang berkembang di Alam Melayu.

Tujuan utama penulisan risalah tersebut adalah untuk memberi penjelasan kepada umat Islam tentang kedudukan tasawuf dalam Islam. Begitu juga tentang cara melakukan suluk, mendekati diri kepada Allah melalui ibadah dan zikirullah serta nasihat mempelajari *kayfiat* dan tatacara yang termudah serta sahah dalam mengamalkannya. Mereka hendaklah berwaspada dari melakukan suluk yang tidak diperakui oleh syarak.

Bagi mereka yang mengamalkan amalan tarikat tasawuf, buku ini amat bermanfaat, kerana ia memberi penjelasan yang amat jelas dalam perkara suluk bagi mendekati diri (taqarrub) kepada Allah SWT. Ia boleh menjadi pengukur bagi melihat kesahihan amalan dan ibadah yang dianjurkan dalam institusi tarikat tasawuf yang kini semakin digemari oleh masyarakat Islam awam.

Buku ini boleh dikatakan sebagai kunci untuk lebih mengenali kedudukan ilmu tasawuf sebagai bahagian yang tidak terpisah dengan ilmu-ilmu Islam yang lain seperti ilmu tauhid dan lain-lainya. Apatah lagi, terdapat segelintir pengkaji yang cuba menimbulkan rasa sangsi kepada masyarakat awam tentang tasawuf ini. Mereka cuba mewar-warkan perkara-perkara negatif yang wujud dalam amalan sebahagian ahli tarikat yang dikaitkan dengan ilmu tasawuf. Malah kadang-kadang dianggap sebagai bid'ah yang ditolak oleh ulama salaf. Walau bagaimanapun dakwaan mereka tidak dapat melunturkan minat sebahagian besar umat Islam untuk mendalami bidang tersebut.

Saya mengharapkan langkah awal ini mendapat sambutan yang baik bagi segenap umat Islam untuk memperbaiki kefahaman terhadap tasawuf Islam dan sekaligus dapat memperbaiki ibadahnya kepada Yang Maha Kuasa. Disamping itu, buku ini juga boleh menambahkan lagi khazanah intelektual Islam dan memperkenalkan seorang tokoh ulama Nusantara di arena antarabangsa, Insyallah...

PENDAHULUAN

Tradisi pemikiran Islam di kawasan kebudayaan Melayu terutama di Indonesia, dapat dibahagi kepada dua tahap; pertama adalah tradisi intelektual Islam yang bercambah sebelum adanya pengaruh fahaman pembaharuan (modenisme) Jamaluddin al-Afghaniy, Muhammad 'Abduh, Muhammad Iqbal dan lain-lain lagi. Pada zaman kedua, tradisi pemikiran yang berkembang ialah pemikiran Islam yang mempunyai pengaruh modenisme.

Tradisi intelektual Islam pada tahap pertama, misalnya dikembangkan oleh tokoh-tokoh antaranya oleh Hamzah Fanshuri, Shamsuddin al-Sumatra'i, Nuruddin al-Raniry dan Abdul Rauf Singkel yang berasal dari Aceh, Darussalam. Di luar Aceh pula terdapat warisan intelektual daripada Syeikh Abu Mahasin Yusuf al-Taj, Abdul Wahhab Bugis (Sulawesi), Muhammad Arsyad Banjar, Muhammad Nafis Banjar (Kalimantan), Abdul Samad Palembang (Sumatra), Nawawi Banten, Ihsan Kediri (Jawa) dan lain-lain.

Dalam tahap kedua pula, pemikiran yang mempunyai pengaruh secara langsung atau tidak langsung dengan modenisme Islam, seperti pemikiran Haji Omar Said Tjokroaminoto, Haji Agoes Salim, Haji Ahmad Dahlan, Haji Hasjim As'ari, Ahmad Surkati berkembang pada peringkat awal, iaitu pada akhir kurun ke 19 dan awal kurun ke 20. Selepas kemunculan mereka, tokoh-tokoh Islam lain seperti Muhammad Natsir, Abdul Malik Karim Amarullah, Mahmud Yunus, Abdul Rahman Ambo Dalle dan selainnya muncul meneruskan perjuangan.

Ketika zaman awal tradisi pemikiran Islam, ia masih kurang dikenali lagi, di kalangan para penyelidik Islam mahupun bukan Islam. Perkara ini berlaku disebabkan kedudukan geografi gugusan tanah Melayu khasnya Indonesia yang jauh dari pusat dunia Islam. Tambahan pula, hubungan antara kawasan ini dengan para Orientalis atau pengamal Islam lainnya baru, iaitu ketika penjajah Barat mulai merasakan keperluan untuk mengetahui Islam dan masyarakatnya bagi tujuan dan kepentingan kolonialisme.

Kupasan buku ini adalah berkenaan riwayat hidup dan pemikiran Syeikh Abu Mahasin Yusuf al-Taj, sebagai seorang tokoh dan ulama besar Nusantara yang hidup pada penghujung kurun ke 17 Masehi. Pada tahun 1994 telah berlangsung peringatan 300 tahun kedatangannya ke Cape Town (Afrika Selatan) dan peringatan hari kelahirannya yang ke 368, yang diadakan di Cape Town (Afrika Selatan) dan Kota Makassar (Sulawesi, Indonesia).

Persoalan yang dibincangkan dalam buku ini, adalah mengenai pemikiran tasawufnya yang sampai ke hari ini masih lagi diamalkan oleh ahli tarikat *Khalwatiyyah Syeikh Yusuf*, terutamanya di daerah asal beliau, Sulawesi Selatan, Indonesia. Konsep tasawuf beliau dianalisis secara mendalam melalui karya tulisnya yang paling akhir, iaitu risalah *al-Nafhah al-Saylaniyyah fi al-Minhah al-*

Rahmaniyyah (bahasa Arab). Risalah ini menjadi asas kajian di samping analisa karya beliau yang lain yang mempunyai kaitan dengan pemikiran tasawuf. Di samping itu, kajian terhadap penyelidikan pula mencari asal-usul pemikiran beliau dengan mengadakan penyelidikan terhadap kitab-kitab *turath* tasawuf, seperti *al-Luma'* (al-Tusiy), *Tabaqat al-Sufiyyah* (al-Sulamiy), *Kasyf al-Mahjub* (al-Hujwiry), *al-Risalah al-Qushayriyyah* (al-Qushayriy) dan lain-lain. Tujuannya adalah bagi mendapatkan kesimpulan sejauhmana pemikiran tasawuf beliau mendapat kesan daripada pemikiran-pemikiran tasawuf ulama sebelumnya. Diharapkan buku ini dapat menyingkap hakikat tasawuf sebenar melalui pemikiran Syeikh Abu Mahasin Yusuf al-Taj yang dikenali juga dengan nama Syeikh Yusuf Makassar.

PENGHARGAAN

Saya juga mengucapkan syukur dan terima kasih yang sedalam-dalamnya kepada Y.Bhg Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj.Husin, Rektor Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM), Prof. Madya Dr. Jamil Sidek, Pensyarah Universiti Malaya (UM), Pengamal Tarikah Naqshabandiyah di Malaysia dan Prof. Madya Dr. Mudasir Rosder, Pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang telah membaca secara kritis kajian ini dan telah sudi memberi komen dan saranan yang cukup bermas. Segala sanggahan dan kritikan beliau bertiga telahpun disesuaikan dalam buku ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Unit Penerbitan KUIM, dan Y.Bhg Prof. Dato', Dr. Abdullah Muhammad Zin, bekas Timbalan Rektor KUIM merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penerbitan KUIM, serta Pn. Hariza Mohd Yusof, Pegawai Penerbitan KUIM yang telah membantu saya untuk menterjemahkan kajian tesis ini ke dalam bentuk buku yang lebih sempurna. Semoga usaha kita semua diterima oleh Allah sebagai amal soleh.

ISBN 983-41007-7-9



9 789834 100773